

FMSM pakar rujuk industri maritim

SH 21/04/08 pg.118

Fakulti itu ditubuhkan pada 15 Jun 2006 bertujuan memberi latihan akademik dan profesional kepada pelajar sebagai memenuhi keperluan menyediakan lebih ramai tenaga profesional dalam bidang Maritim dan Sains Marin untuk keperluan negara.

■ ROSHLAWATY RAIEH

KUALA TERENGGANU – Fakulti Pengajian Maritim dan Sains Marin (FMSM) merupakan fakulti yang keempat di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) selepas Fakulti Sains dan Teknologi, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi serta Fakulti Agroteknologi dan Sains Makanan.

Dekan FMSM UMT, Profesor Madya Datuk Dr Saharuddin Datuk Abdul Hamid, 46, berkata, fakulti itu ditubuhkan pada 15 Jun 2006 bertujuan memberi latihan akademik dan profesional kepada pelajar sebagai memenuhi keperluan menyediakan lebih ramai tenaga profesional dalam bidang Maritim dan Sains Marin untuk keperluan negara.



Saharuddin (tiga dari kanan) bangga melihat pencapaian pelajarannya dalam bidang akademik.

"Setakat ini kita mempunyai hampir 1,100 pelajar, merangkumi lima jurusan yang ditawarkan di fakulti ini.

"Jurusan tersebut terdiri daripada Sarjana Muda Pengurusan (Maritim), Sarjana Muda Sains (Sains Samudera), Sarjana Muda Sains (Biologi Marin), Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Maritim) dan Sarjana Muda Sains (Sains Nautika dan Pengangkutan Maritim)," katanya.

Menurutnya lagi, FMSM berjaya melahirkan ramai graduan cemerlang

dalam bidang akademik dan kokurikulum.

"Buktinya, kami telah menganugerahkan seramai 85 penuntut yang layak menerima Anugerah Dekan Fakulti dan Anugerah Dekan Cemerlang Fakulti.

"Daripada jumlah tersebut, seramai 30 pelajar memperoleh Anugerah Dekan Cemerlang Fakulti atas kejayaan mereka mendapat Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.7 ke atas.

"Sementara,selebihnya pula

menerima Anugerah Dekan Fakulti dengan keputusan PNGK 3.5 ke atas," katanya.

Menurut Saharuddin lagi, kejayaan yang diperoleh merupakan hasil usaha keras yang dilakukan pelajar ketika belajar.

"Bukan mudah mengekalkan kecemerlangan kerana mereka harus memiliki disiplin tinggi dan tidak mudah berputus asa.

"Jika tidak berjaya mengekalkan kejayaan pada semester pertama,

sudah tentu sukar mendapatkan PNGK yang diharapkan.

"Bagi pelajar yang mengikuti pengajian di sini, jangan bimbang mengenai peluang pekerjaan selepas keluar dari sini," katanya.

Menurutnya lagi, program yang ditawarkan di FMSM merangkumi aspek persekitaran, fizikal dan kimia laut, pengurusan perkapalan, pelabuhan, perundangan, perniagaan dalam industri maritim, penggunaan dan teknologi maritim serta sains nautika.

"Jangan terlalu memikirkan masalah mendapatkan pekerjaan kerana yang penting, tamatkan pengajian dengan meraih kecemerlangan luar biasa," katanya.

Menyentuh mengenai harapannya pada masa akan datang, Saharuddin mahu melihat FMSM muncul sebagai pusat kecemerlangan bagi penyelidikan berkaitan pengurusan Maritim dan Sains Marin.

"Saya juga berhasrat menjadikan FMSM sebagai pakar rujuk dalam industri maritim," katanya.



SAHARUDDIN ABDUL HAMID



Peluang kerjaya dalam bidang Sains Marin

Info

TIDAK ramai pelajar mengetahui prospek kerjaya dalam bidang Sains Marin

SH 21/04/08 pg.118